

PEMBENTUKAN MODEL PEMBELAJARAN AL-QURAN BAGI ORANG KELAINAN UPAYA

(Designing A Qur'anic Learning Model for People with Physical Disabilities)

***Muhammad Najib Abdul Halim¹, Mohd Izzuddin Mohd Pisol¹, Hazlin Falina Rosli², Zetty Nurzuliana Rashed¹, Zur'ain Harun¹, Noor Akyairee Mohd Raus³**

Submitted: 04-Sep-2023
Accepted: 16-Sep-2023
Revised: 05-Dec-2023
Published: 28-Dec-2023

¹Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Selangor (KUIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

²Fakulti Pengurusan dan Muamalah
Universiti Islam Selangor
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author's email:
21mt15003@student.kuis.edu.my

Abstrak

Orang Kelainan Upaya merupakan sebahagian daripada ahli masyarakat yang mempunyai hak kepada pembelajaran al-Quran. Akses kepada pendidikan dan persekitaran yang baik amatlah diperlukan agar dapat menjalani kehidupan seharian dalam mempelajari ilmu pengetahuan. Justeru kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisa keperluan bagi lima aspek utama Pembangunan Pembelajaran al-Quran untuk OKU iaitu hak pembelajaran, akses sokongan, akses reka bentuk, gaya pembelajaran dan adab mempelajari al-Quran. Diharapkan kajian ini, akan menjadi saranan dan cadangan untuk tindakan penyelidikan selanjutnya.

Kata kunci: Orang Kelainan Upaya, Hak, Akses

Abstract

Persons with Disabilities are part of society, which their rights are just as important as everyone else's. Their rights, especially in accessing Quranic education are equally vital as others. They also have the right to access a conducive and comfortable environment for learning. Therefore, this study aims to analyze the needs of five main aspects for the development of Quranic learning for OKU, including rights to learn, support's access, design's access, learning style, and etiquette in learning the Quran. It is hoped that this study will provide recommendations for further research.

Keywords: Persons with Disabilities, Rights, Access

1.0 PENGENALAN

Pembelajaran al-Quran adalah aktiviti pembelajaran yang berlaku sama ada melalui pendidikan formal di sekolah mahupun pendidikan tidak formal di rumah atau di institusi masyarakat seperti di surau mahupun di masjid. Pendidikan al-Quran ini bermula dengan pendedahan huruf-huruf hijaiyyah, baris, tanda hukum tajwid, bacaan kalimah pendek dan bacaan ayat yang panjang serta diperkenalkan tanda-tanda berhenti (*waqaf*). Tidak terkecuali murid berkeperluan pendidikan khas turut digalakkan untuk mempelajari al-Quran berdasarkan kekuatan masing-masing.

Al-Quran sebagai mukjizat mempunyai kemudahan untuk dipelajari serta menghafalnya. Tuntutan pendidikan al-Quran sebagai sumber panduan dalam Islam memberikan satu gambaran penting untuk mendalami dan memahami al-Quran dengan lebih mendalam. Pembelajaran al-Quran mestilah dijadikan perkara utama sebagai sokongan kepada pembelajaran al-Quran seperti kesedaran hak pembelajaran al-Quran, akses pembelajaran, reka bentuk kurikulum yang bersesuaian, gaya pembelajaran dan adab sebagai murid dalam menuntut ilmu.

2.0 ASAS HAK PEMBELAJARAN

Setiap individu mempunyai hak-hak dalam mempelajari al-Quran. Di dalam perbincangan ini, penyelidik menghuraikan kaedah dan teknik yang sesuai. Kecacatan OKU bukan penghalang untuk mempelajari al-Quran dan kewajipan OKU mempelajari al-Quran.

2.1 Kaedah dan teknik yang sesuai

Setiap murid OKU mempunyai cara pembelajaran tersendiri dan memerlukan kepada pendekatan secara langsung. Perancangan kaedah dan teknik pengajaran disesuaikan dengan keadaan dan kekuatan pelajar OKU.

2.2 Kecacatan OKU bukan penghalang untuk mempelajari al-Quran

Anugerah akal fikiran yang dikurniakan Allah s.w.t membolehkan pemilihan terhadap sesuatu perkara yang benar atau salah. Kelebihan akal yang dikurniakan mampu menjadikan OKU yang mengalami ketidakupayaan berupaya menjalani kehidupan yang penuh dengan cabaran serta kesukaran. Kekuatan tersebut mampu menjadikan seseorang OKU itu melakukan kebaikan dan menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang salah. Peranan hati yang membawa kepada kebaikan mampu menjadi OKU insan yang terpuji (Siti Muhibah & Zetty Nurzuliana Rashed, 2020). Justeru itu, ketidakupayaan penglihatan bukanlah penghalang seseorang hamba Allah s.w.t untuk mempelajari dan mendalami al-Quran.

2.3 Kewajipan OKU mempelajari al-Quran

Kekurangan yang terdapat pada OKU tidak menjadi penghalang kepada mereka untuk mempelajari tuntutan agama sama ada perkara yang bersifat fardhu ain mahupun fardhu kifayah. Hal ini kerana OKU mempunyai potensi dan kekuatan tersendiri dalam mempelajari sesuatu ilmu. Contohnya OKU penglihatan mempelajari melalui sentuhan dan pendengaran, manakala OKU pendengaran mempelajari melalui simbol atau tanda isyarat. Manakala OKU Masalah Pembelajaran belajar melalui potensi, ciri tersendiri yang menjadi kekuatan kepada ingatan dan penguasaan mereka.

3.0 ASAS ELEMEN AKSES: SOKONGAN PEMBELAJARAN

Teori Ekologi mengikut Bronfenbrenner (1977) memberi penekanan bahawa individu yang melalui proses pertumbuhan dan perkembangan itu terangkum di dalam sistem persekitaran yang mementingkan interaksi di antara satu sama lain. Interaksi antara kanak-kanak dengan persekitaran boleh mempengaruhi proses perkembangan dan pertumbuhan individu.

Merujuk kepada konsep teori ini, kanak-kanak merupakan individu yang berada dalam ruang lingkup mikro (berpusat di tengah) boleh dipengaruhi oleh

faktor persekitaran (Mariani Md. Nor, 2006). Berikut adalah peranan sokongan pembelajaran iaitu institusi pendidikan, ibu bapa, badan bukan kerajaan, masjid.

3.1 Institusi Pendidikan

Institusi pendidikan pra sekolah, sekolah rendah, sekolah rendah agama, kelas asas fardhu ain, sekolah menengah, sekolah menengah agama mempunyai peranan dalam memberikan ruang pendidikan kepada anak-anak OKU. Perkembangan semasa telah mendapati sekolah rintis seperti KAFA Presint 18(1) menjadi penanda aras keprihatinan kerajaan terhadap golongan OKU yang dilaksanakan secara kerjasama antara JAKIM dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Hal ini dapat mengurangkan keciciran dan pendidikan yang disediakan memberikan peluang kepada mereka untuk mempelajari agama Islam sama seperti murid tipikal yang lain. Seterusnya peluang melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi yang mesra pelajar OKU dalam bidang pengajian Islam dapat diperbanyakkan. Berdasarkan perkembangan semasa, Darul Quran di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyediakan Sijil Asas Tahfiz al-Quran yang melayakkan OKU menyambung pengajian di peringkat Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (Siti Nor Azimah Sabaruddin et.al, 2020).

3.2 Ibu Bapa

Peranan dan penghayatan ibu bapa dalam melibatkan diri dalam penganjuran aktiviti dan program kerohanian kepada OKU lebih bermakna daripada penyertaan dalam program hiburan dan perkara yang kurang berfaedah. Kesedaran ibu bapa amatlah penting dalam menjadikan anak-anak OKU mempelajari al-Quran dan fardhu ain agar dapat menjalani kehidupan sebagai hamba Allah s.w.t (Siti Muhibah & Zetty Nurzuliana Rashed, 2020).

3.3 NGO

Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan yang memberikan fokus kepada pembangunan insan OKU adalah berfungsi dalam memberikan pendidikan dalam pelbagai perkara sama ada keagamaan, kesihatan fizikal, sosial, ekonomi, politik dan jati diri. Hal ini dilaksanakan oleh Persatuan OKU Berdaya Hulu Langat. Aktiviti berkaitan OKU dipadukan dengan penglibatan institusi masjid yang hamper dengan Masyarakat (Laporan Profile OKUBHL 2018). Antara aktiviti yang dijalankan adalah:

- a) Program Santuni OKU
- b) Kursus bahasa Isyarat dan Braille
- c) Program Penghafal al-Quran Pekak
- d) Bengkel Menjahit
- e) Latihan Keusahawanan Atas Talian

3.4 Masjid

Salah satu elemen pembelajaran OKU adalah masjid. Fasiliti masjid yang memberikan kemudahan kepada OKU untuk melibatkan diri dalam aktiviti dan program di masjid. Antara kemudahan yang disediakan adalah laluan pejalan kaki, laluan khas (*ramp*), tandas dan tempat wudhu. Tanggung jawab agensi dan institusi Agama dalam mengenalpasti keperluan tersebut sama ada masjid sedia ada mahupun masjid yang bakal dibangunkan. Pengimarahannya serta penganjuran program serta aktiviti kepada OKU amatlah diperlukan seperti: Selain kemudahan fizikal, pihak masjid juga seharusnya mengadakan program bercorak kerohanian kepada golongan OKU dengan mewujudkan aktiviti seperti berikut:

- a) Kelas Pengukuhan al-Quran
- b) Kelas Pemantapan Ibadah

- c) Kewujudkan pemudahcara OKU
- d) Program pembangunan ibu bapa
- e) Melantikan juru Bahasa isyarat dalam menyampaikan isi pengajian yang disediakan.
- f) Memberikan ruang kepada OKU dalam jawatankuasa masjid/surau

Selain itu, kewujudkan biro cakna OKU mampu memberikan ruang dan keprihatinan kepada OKU dalam pelbagai perkara sama ada aspek kebajikan, keperluan dan sebagainya. Masjid yang mesra OKU ini mampu berperanan menjadi penghubung antara OKU dan Jabatan Kebajikan Masyarakat terutamanya OKU yang mengalami masalah kewangan dan cabaran ekonomi dan sara diri.

4.0 ASAS ELEMEN AKSES: REKA BENTUK

Reka bentuk yang digunakan dalam setiap pembelajaran perlulah bersesuaian dengan keadaan dan kekuatan pelajar OKU. Berikut merupakan akses reka bentuk iaitu kurikulum yang bersesuaian, kaedah pembelajaran yang sesuai, BBM yang bersesuaian dan prasarana yang disediakan (Margaret E. King-Sears, 2020).

4.1 Kurikulum yang Bersesuaian

Bahan kurikulum al-Quran hendaklah disesuaikan dengan keupayaan OKU. Potensi OKU ini mampu mengikuti kurikulum yang disediakan agar jurang pendidikan antara OKU dan murid tipikal dapat dikurangkan. Kurikulum yang disediakan mengambil kira kekuatan murid OKU agar ilmu yang diterima mampu dan dikuasai secara minimum oleh murid OKU.

4.2 Kaedah Pembelajaran yang Sesuai

Permainan dijadikan aktiviti dalam pembelajaran sama ada secara berkumpulan dapat meningkatkan kemahiran sosial murid OKU. Pembelajaran menggunakan kekuatan deria yang ada seperti sentuhan, pendengaran, gambar dan sebagainya. Aktiviti main peranan memberikan kesan kepada murid OKU.

4.3 BBM yang Bersesuaian

Bahan bantu belajar memerlukan ciri-ciri yang bersesuaian dengan murid OKU. Setiap BBM yang disediakan mesti mempunyai fungsi dan ciri yang diperlukan oleh OKU tersebut. Penggunaan BBM yang bersaiz besar dan mempunyai bentuk yang menarik dan mudah dibawa dan dikendalikan mampu memberikan kesan kepada pengguna bahan bantu tersebut.

4.4 Prasarana yang Disediakan

Kemudahan prasarana mampu memberikan peluang dan akses OKU kepada pembelajaran. Bilik atau ruang yang disediakan kepada mereka hendaklah mudah untuk dihadiri dan mempunyai ciri-ciri fizikal yang memberikan keselesaan kepada OKU. Akses kepada kemudahan tersebut mestilah tidak mempunyai halangan untuk sampai ke sana.

5.0 GAYA PEMBELAJARAN

Peranan guru dalam mengenalpasti kecenderungan stail pembelajaran yang diamalkan oleh murid atau pelajar. Hal ini kerana, keberkesanan proses pengajaran

dan pembelajaran sangat berkaitan dengan gaya pembelajaran seseorang murid atau pelajar. Menurut Banas (2018), pelaksanaan pendekatan pembelajaran yang bersesuaian mampu mempengaruhi proses PdP yang baik. Selain itu, kepekaan guru terhadap gaya pembelajaran mampu mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar di dalam sesebuah kelas. Justeru itu gaya pembelajaran pelajar berdasarkan kekuatan individu pelajar boleh disesuaikan dengan penggunaan model VAK (Visual-Auditori Kinestetik). Menurut Sreenidhi & Halena (2017) menyatakan berkaitan kepelbagaian dalam pendekatan dalam mempelajari sesuatu ilmu. Oleh itu dapat difahami bahawa gaya pembelajaran merujuk kepada cara pembelajaran yang cenderung digunakan untuk mempelajari sesuatu. Menurut Jumahir Jamulia (2018), asas kepada gaya pembelajaran adalah berkaitan tiga ciri berikut:

- a) Penerimaan, pengekalan, ingatan dan mendapatkan maklumat semula,
- b) keupayaan dalam memperoleh maklumat, menggunakan maklumat yang diperoleh dan memberikan respon terhadap persekitaran pembelajaran.
- c) Petunjuk yang konsisten dan stabil

Penggunaan model pembelajaran VAK (Visual-Auditory-Kinesthetic) merupakan suatu model yang mudah difahami berbanding model lain dan ianya bersifat lebih umum (Banas 2018). Selain itu, menurut Gholami dan Bagheri (2013), penggunaan model pembelajaran VAK merupakan disukai dan dapat dimanfaatkan. Hal ini kerana model pembelajaran VAK memberikan pandangan yang berlainan dalam menghuraikan gaya pembelajaran yang digunakan oleh seseorang dan bersesuaian dengan kelebihan yang dimiliki (Gholami & Bagheri 2013). Tambahan itu, Rosmawaty (2018) menyatakan bahawa proses pembelajaran mampu dilaksanakan dengan lebih efektif melalui tumpuan kepada pengalaman langsung para pelajar dengan penumpuan kepada tiga gaya ini, iaitu visual, audio dan kinestetik. Berikut merupakan huraian terhadap model tersebut:

- a) Visual: menggunakan pancaindera mata (penglihatan) seperti imej, membaca, menonton video dan grafik
- b) Audio: menggunakan pancaindera telinga (pendengaran) seperti dengar, bertutur, aktiviti perbincangan
- c) Kinestetik: melibatkan diri dengan pengalaman, pergerakan (bergerak, melakukan, menyentuh)

Justeru itu, tiga gaya pembelajaran bagi menentukan gaya pembelajaran pelajar terhadap aspek budaya iaitu gaya pembelajaran visual, gaya pembelajaran audio dan gaya pembelajaran kinestetik boleh dimanfaatkan dalam mempelajari al-Quran bagi orang kelainan Upaya (OKU) di dalam kehidupan seharian.

5.1 Aplikasi Braille dalam Pembelajaran al-Quran

Al-Quran dan Braille merupakan dua perkataan yang memberikan gambaran al-Quran yang ditulis menggunakan titik timbul sebagai bacaan al-Quran kepada OKU Penglihatan. Isi kandungan al-Quran meliputi aspek akidah, syariah dan akhlak. Definisi al-Quran daripada sudut Bahasa ialah himpunan huruf-huruf yang membentuk ayat al-Quran yang tersusun rapi (al-Zarqani, 1994). Tujuan pensyariahan ibadah pembacaan al-Quran menuntut individu Muslim untuk membaca, menghafaz, memahami dan mengamalkan isi kandungan al-Quran. Pada sudut istilah, al-Quran merupakan mukjizat yang diturunkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad sa.w. oleh malaikat Jibrail a.s. secara berperingkat dan amalan pembacaan al-Quran menjadi ibadah yang sangat dituntut. Louis Braille merupakan individu yang mengalami kecatatan penglihatan yang telah mengasaskan titik timbul bagi menggantikan huruf dan nombor sebagai sel (cell) iaitu kod braille yang

mempunyai enam titik. Sebelum itu, Valentin Hauy merupakan pengasas kepada National Institute for Blind Youth di Paris telah mengasaskan penggunaan buku berhuruf timbul berasaskan wayar tembaga yang ditekan pada kertas. Gabungan perkataan al-Quran dan Braille, maka ia merujuk kepada Mashaf al-Quran Braille yang menggunakan asas kod Braille Bahasa Arab yang mewakili huruf-huruf Hijaiyyah, tanda baris seperti fathah, dammah, dan kasrah, serta simbol-simbol seperti shaddah, sukun, mad dan sebagainya (Noornajihan dan Kauthar 2008). Perkembangan al-Quran Braille adalah satu kemudahan yang disediakan kepada OKU Penglihatan untuk membaca al-Quran. Komitmen Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) telah mendapat pengiktirafan diperingkat kebangsaan. Melalui penerbitan edisi al-Quran Braille (kod Braille Bahasa Arab Gred 1) yang bersumberkan al-Quran Braille terbitan Indonesia merupakan satu-satunya al-Quran Braille yang diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

6.0 ELEMEN ADAB MEMPELAJARI AL-QURAN

Adab menurut Kamus Dewan (2010: 7) bermaksud tingkah laku serta tutur kata, budi bahasa atau budi pekerti yang halus. Adab datangnya daripada perkataan Arab 'adab' yang membawa maksud yang lebih besar, termasuk tatacara atau perilaku dalam menunaikan amalan agama seperti solat dan sebagainya. Penjagaan adab dalam mempelajari al-Quran sangat penting kerana ia mempunyai kaitan dengan keberkesanan dan keberkatan dalam mempelajari al-Quran. Al-Quran menunjukkan kaedah pendidikan akhlak dan adab kepada manusia untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

6.1 Suci dan Bersih

Murid yang ingin mempelajari al-Quran hendaklah suci daripada hadas kecil dan hadas besar. Selain memakai pakaian yang bersih dan suci yang terhindar daripada najis (Imam an-Nawawi, 1996).

6.2 Menghormati Guru

Murid yang mempelajari sesuatu ilmu hendaklah menjadikan guru sebagai contoh tauladan yang baik serta melakukan kebaikan kepada guru. Perhormatan kepada guru yang menyampaikan ilmu pengetahuan dan mendidik dengan penuh kasih sayang hendaklah dihormati.

6.3 Menutup Aurat

Murid yang mempelajari al-Quran atau ilmu hendaklah mengenakan pakaian yang menutup aurat dan tidak berpakaian yang tidak bersesuaian.

6.4 Membaca Secara Tartil

Murid disarankan untuk membaca dengan perlahan-lahan agar sebutan huruf dan makhrajnya betul dan tidak menyalahi hukum tajwid. Mempelajari dan membaca al-Quran hendaklah tidak terlalu cepat yang menyebabkan kesalahan sebutan dan hukum tajwid yang terdapat dalam ayat al-Quran yang dibaca.

7.0 RUMUSAN

Secara kesimpulannya, pembentukan elemen model pembelajaran ini mampu menjadi panduan kepada para guru dan ibu bapa yang berkaitan dengan pembelajaran al-Quran bagi OKU. Sokongan institusi pendidikan masyarakat amatlah membantu OKU untuk mempelajari al-Quran. Hal ini kerana OKU adalah sebahagian kecil anggota masyarakat yang perlu dirai dan difahami agar OKU tidak terpisah daripada kehidupan beragama dan bermasyarakat.

8.0 PENGHARGAAN

Penghargaan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi kerana telah membiayai Geran di bawah Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan bertajuk "Emansipasi Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran Bagi OKU Masalah Penglihatan" Kod Penyelidikan (USIM – KUIS – UKM) USIM/KKP-102/ISI/FPQS/LUAR-K/44120

9.0 RUJUKAN

- Banas, R. A. 2018. Perceptual learning styles of students and its effect to their academic performance. *International Journal of Trend in Scientific Research and Development (IJTSRD)* 3(1): 401–409. Retrieved from <http://www.ijtsrd.com/papers/ijtsrd18992.pdf> <http://www.ijtsrd.com/humanities-and-the-arts/education/18992/perceptual-learning-styles-of-students-and-its-effect-to-their-academic-performance/rona-a-banas>.
- Chaouche, M. 2017. Incorporating intercultural communicative competence in EFL classes. *Arab World English Journal (AWEJ)* (December): 32–42. Retrieved from <https://www.ssrn.com/abstract=2895538>.
- Fleming, N. D. & Mills, C. (1992). Not another inventory, rather a catalyst for reflection. *To Improve the Academy*, 11(1) 1992, 137-144.
- Gholami, S. & Bagheri, M. S. 2013. Relationship between VAK learning styles and problem solving styles regarding gender and students' fields of study. *Journal of Language Teaching and Research* 4(4): 700–706. doi:10.4304/jltr.4.4.700-706.
- Imam An-Nawawi, Abi Zakaria Yahya bin Syaraf al-Din. 1996. *At-Tibyan fi Adab Hamalatil Qur'an*. Darul Ibnu Hazam. Beirut.
- Jumahir Jamulia. 2018. Identifying students learning style preferences at IAIN Ternate. *International Journal of Education* 10(2): 121–129. doi:10.17509/ijev10i2.1631.
- Kamus Dewan. Edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Menik, K. & Yuhendri, L. 2016. Analysis characteristics of learning styles VAK (Visual, Auditory, Kinesthetic) student of Banks and Financial Institutions course. *International Conference on Education for Economics, Business, and Finance*, hlm. 437–446.
- Noornajihan Jaafar dan Kauthar Abdul Kader. (2008). *Pengajaran Braille al-Quran di Malaysia*. Seminar Warisan Quran dan Hadith Nusantara. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Norakyairee Mohd Raus, Ab. Halim Tamuri, dan Norshidah Mohamed Salleh. (2012). *Pengajaran Al-Quran Braille: Penglibatan Institusi Pengajian Tinggi Islam Di Malaysia*. Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam. Nilai: USIM.
- Norakyairee Mohd Raus. 2019. Kurikulum Kafa Khas (OKU): Satu Tinjauan. *Proceedings of the 6th International Conference on Quran as Foundation of Civilisation (SWAT 2019) FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia*.

- Rosmawaty Siregar. 2018. Teaching model of visualisation, auditory and kinesthetic (VAK) to improve the economic education achievement. *International Journal of Humanities and Social Science Research* 4(1): 6–10.
- Siti Muhibbah Hj Nor & Zetty Nurzuliana Rashed. 2020. Menyantuni Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid: Keperluan dan Cabaran Perlaksanaannya. *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* Vol. 4 (1) June 2020, no. E-ISSN 2590-3799.
- Siti Nor Azimah Sabaruddin, Hamdi Ishak, Haziyah Hussein & Mohd Ridhuwan Remly. 2020. Pensijilan Tahfiz al-Quran OKUMP di Darul Quran: Satu Revolusi ke Arah Memartabatkan Pendidikan al-Quran Dalam Kalangan OKU Masalah Penglihatan (OKUMP). *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 6(1), 2020 1-9, e-ISSN: 2289-960X (Laporan Profile OKUBHL 2018).
- King-Sears, M. E. (2020). Introduction to Special Series on Universal Design for Learning. *Remedial and Special Education*, 41(4), 191-193.